



HOT FM / FLY FM SUPER 8!

- TARIKH : SABTU, 30hb NOVEMBER 2013
- WAKTU : 8.00am
- LOKASI : Universiti Malaya (UM)-Padang C dan Varsiti, Kuala Lumpur
- YURAN : Percuma!! Terhad Kepada 64 Pasukan Sahaja!
- TARIKH TUTUP: Siapa cepat, dia dapat!!
- KONSEP : Pertandingan bolasepak 6-sebelah bagi kanak-kanak umur Bawah-8 Tahun (lahir pada tahun 2005 & selepasnya)

**Borang Pra-Pendaftaran yang terdapat dilaman web kami perlulah diisi dengan lengkap*

** Hanya 64 pasukan terpilih yang akan dihubungi oleh kami untuk proses yang seterusnya.*

**hanya kepada pasukan yang terpilih sahaja yang akan hadir untuk sesi taklimat Pengurus, Cabutan Undi & Pendaftaran akan diadakan pada hari Selasa, 26hb November 2013 di tempat/waktu yang akan diumumkan kemudian.*

PERATURAN PERTANDINGAN

A. Jawatankuasa Penganjur

- a.1 Jawatankuasa penganjur terdiri daripada **Jawatankuasa Penganjur Super 8! 2013 (JP)**.
- a.2 Pihak penganjur (Hot FM & Fly FM) serta kontraktor dan pembekal mereka, atau mana-mana penaja pertandingan, tidak akan dipertanggungjawabkan untuk apa-apa perbelanjaan pasukan, pegawai pasukan, individu, pemain, ahli keluarga, penyokong dan sebagainya sekiranya pertandingan dibatalkan secara penuh, atau sebahagiannya, dan untuk apa juga pampasan sekiranya berlaku kemalangan, kecederaan, kehilangan atau kematian, yang menimpa mana-mana pihak yang disebut di atas, sebelum, ketika atau selepas pertandingan.
- a.3 Semua keputusan pengadil adalah muktamad dan mutakhir. JP mempunyai hak untuk membuat semua keputusan berkenaan pertandingan ini, dan keputusannya adalah muktamad.
- a.4 Sekiranya cuaca tidak mengizinkan, JP boleh menunda perlawanan, mengurangkan waktu perlawanan (sehingga hanya melibatkan sepakan penalti sahaja bagi penentuan keputusan muktamad) ataupun membatalkan perlawanan.
- a.5 Sekiranya mana-mana pasukan mempunyai sebarang pertanyaan ataupun masalah berkenaan pertandingan ini, sila hubungi mana-mana satu daripada ahli jawatankuasa penganjur. *Butiran-butiran terkandung pada mukasurat 11.*

B. Yuran Pendaftaran

- b.1 Tiada yuran penyertaan dikenakan. Pendaftaran untuk pertandingan adalah secara siapa cepat, dia dapat.



C. Pendaftaran Pemain

- c.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua kanak-kanak lelaki sahaja samada rakyat Malaysia & bukan Malaysia, yang lahir pada tahun 2005 DAN selepasnya. Pemain-pemain diwajibkan menyediakan samada salinan kad pengenalan MyKid atau paspot (bahagian butiran diri), sepanjang pertandingan bagi pengesahan umur, sekiranya diminta. Pemain-pemain yang gagal menyediakan dokumentasi pengenalan diri yang sah bagi pengesahan umur, ataupun berusia di luar had umur ataupun tidak berdaftar, akan menyebabkan pasukannya disingkirkan daripada pertandingan, dan menyebabkan keputusan teknikal diambil terhadap pasukan yang bersalah. JP boleh menghadihkan kemenangan percuma secara teknikal kepada pihak pasukan yang tidak bersalah dengan jaringan kemenangan 3-0. Sekiranya pasukan tersebut sudahpun mendahului melebihi jaringan TIGA (3) gol, maka keputusan semasa perlawanan dikira sebagai keputusan penuh.
- c.2 Borang penyertaan yang tidak lengkap, tanpa butiran nama pemain atau nombor kad pengenalan (atau nombor paspot), boleh mengakibatkan pemain tersebut tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian di dalam pertandingan, sehingga butiran lengkap tersebut diterima.

Nota : Pemain-pemain mestilah didaftarkan di atas senarai pendaftaran pasukan untuk layak bermain. Pemain tidak dibenarkan untuk mewakili lebih daripada satu pasukan pada bila-bila masa. Pemain yang didapati dan dibuktikan menyalahi peraturan ini akan digantung serta-merta daripada pertandingan dan keputusan perlawanan-perlawanan yang mana beliau terlibat dengan boleh dimansuhkan dengan memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan yang tidak bersalah, tertakluk kepada siasatan pihak JP.

- c.3 Setiap pasukan boleh mendaftar sehingga maksima 10 pemain. Bilangan pemain yang mewakili setiap pasukan adalah muktamad, sepertimana di dalam senarai butiran pemain di atas borang penyertaan rasmi. Pasukan-pasukan tidak dibenarkan untuk memohon penambahan dan/atau pertukaran pemain pada hari pertandingan, melainkan jika mendapat surat pengesahan daripada klinik atau hospital kerajaan bagi kes-kes perubatan, ataupun dalam kes-kes luar biasa di mana bukti sah disediakan bagi pertimbangan JP.

Nota : Pemain yang bertukar daripada pasukan ke pasukan tidak dibenarkan sama sekali melainkan dengan pembatalan serta penambahan butirannya oleh JP. JP mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan pada bila-bila masa.

D. Format Pertandingan

- d1 Jumlah 64 pasukan
- d.1.2 Dibahagikan kepada 16 kumpulan, yang terdiri daripada 4 pasukan setiap kumpulan
- d.1.3 Peringkat liga berkumpulan diadakan secara *Round-Robin* iaitu setiap pasukan bertemu pasukan lain di dalam kumpulan yang sama, satu (1) kali sahaja.



-
- d.1.4 Markah akan diberikan dan dikira sewaktu perlawanan dalam kumpulan sahaja contohnya, menang 3 mata, seri 1 mata dan kalah tiada mata.
 - d.1.5 Jumlah mata akan dikira untuk menentukan kedudukan pasukan dalam setiap kumpulan.
 - d.1.6 Dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke peringkat kalah-mati.

Nota : JP mempunyai hak mutlak untuk membuat perubahan kepada format pertandingan berdasarkan bilangan penyertaan sebenar.

E. Peraturan Perlawanan Peringkat Liga Berkumpulan & Kalah Mati

Semua perlawanan akan menggunakan undang-undang serta peraturan-peraturan FIFA terbitan terkini, melainkan perubahan-perubahan yang dibuat oleh JP, yang terkandung di dalam buku Peraturan Pertandingan ini.

JUMLAH PEMAIN MINIMA

- e.1 Setiap pasukan yang terlibat di dalam mana-mana perlawanan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya EMPAT (4) pemain yang hadir serta layak bagi memulakan perlawanan. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini akan mengakibatkan keputusan perlawanan dihadiahkan kepada pihak lawan dengan jaringan kemenangan 3-0.

Nota : Di dalam situasi di mana pemain dibuang padang atas cedera sebelum mula perlawanan, dan pasukan tersebut hanya tinggal kurang daripada empat (4) pemain (termasuk penjaga gol), perlawanan akan dibatalkan dan kemenangan diberikan kepada pihak lawan yang mempunyai bilangan pemain yang lebih ramai (empat pemain atau lebih), dengan jaringan 3-0, melainkan jika keputusan semasa perlawanan tersebut berpihak kepada lawan dengan jaringan yang lebih besar. Walaubagaimanapun, seandainya kedua-dua pasukan menamatkan perlawanan dengan kurang daripada empat pemain, maka keputusan semasa perlawanan yang dihentikan itu akan dikekalkan.

JANGKA WAKTU PERLAWANAN

- e.2 12 minit setiap perlawanan dibahagikan kepada dua separuh 6 minit setiap satunya dan maksima 2 minit rehat bagi semua perlawanan liga berkumpulan.

Nota 1 : Bagi perlawanan-perlawanan di peringkat kalah-mati, 14 minit setiap perlawanan dibahagikan kepada dua separuh 7 minit setiap satunya dan maksima 2 minit rehat. Seandainya perlawanan peringkat kalah-mati tamat waktu permainan normal dengan kedudukan seri tendangan penalti akan dimainkan. Setiap pasukan akan diberikan 3 tendangan penalti. Sekiranya masih seri lagi selepas tamat tendangan yang ke-3 bagi kedua-dua pasukan, tendangan penalti secara sudden-death akan digunakan sehingga mendapat pemenang. Menurut undang-undang FIFA, hanya pemain-pemain yang kekal bermain selepas tamatnya wisel penamat perlawanan, boleh mengambil tendangan penalti tersebut. Pasukan yang menggunakan pemain-pemain yang tidak terlibat di akhir perlawanan, akan dikenakan tindakan secara otomatis dan kemenangan percuma diberikan kepada pihak lawan dengan jaringan kemenangan 3-0.



Nota 2 : Sila rujuk peraturan FIFA Law 14 : The Penalty Kick bagi mengetahui undang-undang terperinci berkenaan tendangan penalti.

Nota 3 : Sekiranya waktu perlawanan tidak boleh dicapai, pegawai ko-ordinator perlawanan JP yang ditugaskan, akan menentukan bersama para pengadil, waktu perlawanan yang diubah, dan akan memberitahu wakil-wakil pasukan yang terbabit. Oleh yang demikian, setelah diberitahu, JP tidak akan melayan sebarang bantahan yang diterima berkenaan hal ini.

Nota 4 : Nota : JP mempunyai hak mutlak untuk membuat perubahan kepada waktu perlawanan berdasarkan bilangan penyertaan sebenar.

'TIME-OUT'

- e.3 'Time-out' tidak dibenarkan sama sekali bagi mana-mana perlawanan sekalipun sepanjang pertandingan.

PEMERIKSAAN

- e.4 Pegawai ko-ordinator perlawanan JP yang ditugaskan boleh membuat pemeriksaan identiti pemain sebelum, ketika atau selepas perlawanan, untuk memastikan kesahihan butiran perlawanan khususnya penerimaan kad kuning atau kad merah serta butiran jaringan dan juga bagi tujuan penguatkuasaan penggantungan pemain dan pemastian pendaftaran. Pemeriksaan ini tertakluk kepada budibicara JP.

Kad Pengenalan MyKid/pasport laporan polis kehilangan dokumen pengenalan diri atau apa sahaja dokumen yang boleh dikira sebagai pembuktian pengenalan diri secara undang-undang, BOLEH DIPERTIMBANGKAN SEBAGAI BUKTI IDENTITI PEMAIN.

PENGGANTIAN PEMAIN

- e.5 Penggantian pemain adalah tanpa had. Penggantian pemain secara 'rolling' dibenarkan sepanjang pertandingan. Pemain yang sama boleh masuk, keluar dan masuk semula di dalam perlawanan yang sama, melainkan jika beliau dilayangkan kad merah.

JERSI

- e.6 Pasukan-pasukan yang bertanding DIGALAKKAN menggunakan jersi yang bernombor. Walaubagaimanapun jika ketiadaan jersi ataupun pertembungan warna jersi yang sama, maka *bip* akan dibekalkan.

Nota : Penggunaan bip bernombor adalah diwajibkan bagi pasukan yang tiada jersi bernombor, dan di dalam kes pertembungan warna jersi pasukan, lontaran syiling atau undian akan dibuat bagi penentuan pasukan yang menggunakan bip.

BOLASEPAK PERLAWANAN (Match Ball)

- e.7 Bolasepak rasmi pertandingan akan dibekalkan oleh JP.

WAKTU PERLAWANAN

- e.8 Waktu perlawanan yang ditunjukkan dalam jadual pertandingan sekadar panduan sahaja. Perubahan/kelewatan/permulaan awal, boleh berlaku sepanjang tempoh hari pertandingan. Pasukan diminta untuk senantiasa merujuk kepada JP and prihatin terhadap pemakluman yang dibuat sepanjang hari pertandingan.



PENGUTIP BOLA ('BALLBOYS / BALLPICKERS')

- e.9 Terdapat 10 orang pengutip bola (*'ballboys / ballpickers'*) yang akan bertugas sepanjang pertandingan untuk menjaga dan mengutip bola di setiap bahagian padang.

WAKTU TAMBAHAN MASA ('TIME ADDED-ON / INJURY TIME / STOPPAGE TIME')

- e.10 Waktu tambahan masa bagi setiap perlawanan selepas penamat waktu permainan biasa adalah tertakluk kepada pengadil perlawanan. Beliau mempunyai hak mutlak untuk menambah masa ataupun tidak. Pihak JP tidak akan melayan sebarang aduan berkenaan hal ini, terutama sekali aduan yang diterima berhubung kehilangan masa disebabkan oleh pengambilan bola secara perlahan-lahan oleh pemain lawan, ataupun disebabkan oleh pertukaran pemain lawan, ataupun disebabkan oleh berkemundangnya Azan (waktu solat orang Islam).

POSISI & PERILAKU KOORDINATOR PERLAWANAN

- e.11 Koordinator perlawanan bebas untuk menentukan posisi beliau ketika mana-mana perlawanan berlangsung. Ketika di padang, beliau berhak untuk bergerak ke mana sahaja bagi menyelesaikan tugasannya. Beliau juga boleh membantu mengembalikan bola perlawanan ke dalam kawasan perlawanan, dan perilaku beliau ini tidak boleh dianggap sebagai memihak kepada mana-mana pasukan.

KELAYAKAN

- e.12 Kelayakan bagi peringkat Kalah Mati bergantung kepada faktor-faktor menurut turutan atas ke bawah, di bawah ini :-
- Mata – jumlah mata kutipan setelah tamat peringkat liga.
 - Perbezaan Gol – jumlah gol jaring tolak jumlah gol bolos
 - Goal Jaring – jumlah gol yang dijaringkan oleh pasukan
 - Head to Head – keputusan perlawanan di antara pasukan yang bakal layak.
 - Lambungan Syiling - hanya digunakan apabila semua kaedah di atas gagal.

Nota 1 : Sekiranya wujud perbandingan di antara kumpulan bagi penentuan pasukan terbaik di dalam kedudukan yang sama, kaedah kelayakan 'a sehingga c' dalam urutan tersebut, akan digunakan sebagai perbandingan untuk menentukan pasukan yang layak. Jika tetap gagal, cabutan undi atau 'play-off' penalti akan dilakukan bagi penentuan kelayakan.

Nota 2 : Sekiranya dua atau lebih pasukan terikat pada mata yang sama, serta hanya salah satu pasukan sahaja (daripada dua atau lebih pasukan tersebut) yang bakal layak ke peringkat seterusnya, dan rekod mana-mana satu pasukan tersebut terdiri daripada keputusan kemenangan menerusi 'walkover', maka perbandingan kedudukan pasukan hanya terbatas kepada keputusan-keputusan yang dicapai tidak melibatkan keputusan 'walkover' itu. Sebagai contoh pasukan A dan pasukan B terikat pada kedudukan mata yang sama, tetapi rekod keputusan pasukan A mengandungi kemenangan berbentuk 'walkover' ke atas pasukan C. Oleh itu, bagi tujuan penentuan kedudukan sebenar, keputusan-keputusan pasukan A dan B ke atas pasukan C, langsung tidak diambil kira.

- e.13 UKURAN GOL

Ukuran gol adalah 3 meter Lebar 2 meter Tinggi.

- e.14 PERILAKU TIDAK 'SPORTING' DI DALAM ATAU DI LUAR PADANG

Sekiranya mana-mana pemain, pemain simpanan, pegawai pasukan atau wakil pasukan bertindak agresif, ataupun mengancam mana-mana penonton atau pihak-pihak yang terlibat



secara langsung di dalam perlawanan (iaitu para pengadil, pemain lain, ahli-ahli JP), JP akan menggantung individu tersebut untuk sebahagian, ataupun sepenuh pertandingan. Nama serta sebab penggantungan akan dilaporkan ke pihak pentadbiran sukan bolasepak di Malaysia untuk tindakan lanjutan, dan kepada pihak polis sekiranya perlu.

PEMBERHENTIAN PERLAWANAN - GADUH

- e.15 Sekiranya pergaduhan tercetus di antara pasukan-pasukan yang bertanding, di mana pengadil perlawanan tidak dapat lagi mengawal keadaan, serta memberhentikan ataupun meninggalkan perlawanan, berikut adalah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh JP, selepas siasatan :-
- e.15.1 JP boleh mengarahkan supaya perlawanan tersebut ditunda ke waktu yang akan diumumkan kemudian, dan keputusan semasa perlawanan yang diberhentikan itu dimansuhkan dan dikira sebagai tidak sah. Perlawanan semula akan diadakan.
- e.15.2 Di atas sebab-sebab yang tertentu, contohnya keselamatan, keputusan perlawanan yang diberhentikan itu BOLEH dikekalkan dan keputusan semasa perlawanan tersebut dikira sebagai sah.
- e.15.3 JP boleh juga menolak sehingga 2 mata kutipan liga pasukan atau pasukan-pasukan yang terbabit dalam mencetuskan pergaduhan, DAN boleh juga menggantung penyertaan pihak yang bersalah daripada meneruskan pertandingan (samada pasukan, pemain atau pegawai pasukan) sepanjang peringkat liga ataupun sebahagian daripadanya..
- e.15.4 Sekiranya arahan JP untuk mengadakan perlawanan semula enggan diikuti oleh pasukan-pasukan yang terbabit, perlawanan yang dijadualkan tersebut akan dibatalkan. Sekiranya hanya 1 pasukan yang mengikut arahan JP untuk mengadakan perlawanan semula, maka kemenangan percuma secara teknikal akan dihadiahkan kepada pihak tersebut dengan jaringan kemenangan 3-0.
- e.16 Tindakan-tindakan yang diambil oleh keputusan JP berkenaan pemberhentian perlawanan disebabkan gaduh tidak terhad kepada mana-mana satu tindakan di atas, dan boleh juga digunakan berdasarkan kombinasi tindakan-tindakan di atas. Pihak JP juga boleh mengambil tindakan terhadap pasukan-pasukan yang terlibat di dalam pergaduhan walaupun ianya bermula sebelum mula perlawanan atau selepas tamat perlawanan menggunakan peruntukkan undang-undang yang yang disediakan di sini.

PEMBERHENTIAN PERLAWANAN - HUJAN

- e.17 Sekiranya keadaan cuaca (hujan) menyebabkan pemberhentian atau peninggalan perlawanan yang sedang berlangsung, berikut adalah tindakan-tindakan yang boleh diambil JP :-
- e.17.1 Sekiranya pemberhentian berlaku pada separuh masa pertama, perlawanan akan diberhentikan dan keputusan semasa perlawanan dimansuhkan dan dikira tidak sah. Perlawanan semula akan diadakan.
- e.17.2 Sekiranya pemberhentian berlaku pada waktu rehat selepas tamatnya separuh masa pertama ataupun di dalam separuh masa kedua, keputusan semasa perlawanan yang diberhentikan itu dikira sah dan mutakhir.
- e.17.3 Sekiranya arahan JP's untuk mengadakan perlawanan semula enggan diikuti oleh



pasukan-pasukan yang terbabit, perlawanan yang dijadualkan tersebut akan dibatalkan dan tidak akan diambil kira dalam penentuan akhir bagi kelayakan ke peringkat seterusnya atau pusingan seterusnya. Sekiranya hanya SATU pasukan yang mengikuti arahan JP untuk mengadakan perlawanan semula, maka kemenangan percuma secara teknikal akan dihadiahkan kepada pihak tersebut dengan jaringan kemenangan 3-0.

- e.18 Keputusan yang diambil oleh JP berkenaan pemberhentian perlawanan disebabkan oleh hujan ataupun keadaan padang yang tidak mengizinkan (selepas atau ketika hujan) tidak boleh dirayu sama sekali oleh pasukan-pasukan yang terbabit. Sebarang rayuan berkenaan hal ini tidak akan dilayan sama sekali.

PEMBERHENTIAN PERLAWANAN - PASUKAN MENINGGALKAN PADANG / KETIADAAN NORMA PERLAWANAN / PENYOKONG MEMASUKI PADANG

- e.19 Sekiranya perlawanan terpaksa digantung di mana pengadil tidak dapat mengawal perlawanan lalu meninggalkan atau memberhentikan perlawanan disebabkan oleh insiden seperti pasukan meninggalkan padang, ketiadaan norma perlawanan bolasepak ataupun penyokong memasuki kawasan permainan padang, **selepas siasatan bersepadu oleh JP ataupun keputusan mandatori pegawai ko-ordinator perlawanan yang ditugaskan**, JP boleh menghadiahkan kemenangan percuma secara teknikal kepada pihak pasukan yang tidak bersalah dengan jaringan kemenangan 3-0. Sekiranya pasukan tersebut sudahpun mendahului melebihi jaringan TIGA (3) gol, maka keputusan sewaktu pemberhentian perlawanan dikira sebagai keputusan penuh. Pihak JP juga boleh mengambil tindakan terhadap insiden-insiden sepertimana tertera di atas walaupun ianya berlaku sebelum mula perlawanan atau selepas tamat perlawanan.

- e.20 JP boleh juga menggunakan provisi-provisi khas berkenaan hak untuk menggubal undang-undang dan peraturan bagi membuat keputusan terhadap situasi-situasi tertentu yang tidak terkandung di dalam dokumen ini, seperti di dalam subjek K : Penafian

- e.21 Tanggungjawab penyokong adalah tanggungjawab pasukan.

PEMBERHENTIAN PERLAWANAN - TINDAKAN AGRESIF TERHADAP PARA PENGADIL ATAU PEGAWAI PERLAWANAN / ANCAMAN TERHADAP KESELAMATAN PEMAIN ATAU PARA PENGADIL

- e.22 Sekiranya perlawanan terpaksa digantung di mana pengadil tidak dapat mengawal perlawanan lalu meninggalkan atau memberhentikan perlawanan disebabkan oleh tindakan agresif ataupun secara fizikal atau mental terhadapnya atau penjaga garisannya atau pegawai ko-ordinator perlawanan, yang dilakukan oleh pemain atau pegawai pasukan tertentu, **selepas siasatan bersepadu oleh JP ataupun keputusan mandatori pegawai perlawanan yang ditugaskan**, JP boleh menghadiahkan kemenangan percuma secara teknikal kepada pihak pasukan yang tidak bersalah (tidak melakukan apa-apa salah ketika perlawanan) dengan jaringan kemenangan 3-0. Sekiranya pasukan tersebut sudahpun mendahului melebihi jaringan TIGA (3) gol, maka keputusan sewaktu pemberhentian perlawanan dikira sebagai keputusan penuh. Pihak JP juga boleh mengambil tindakan terhadap insiden-insiden sepertimana tertera di atas walaupun ianya berlaku sebelum mula perlawanan atau selepas tamat perlawanan.

- e.23 Sekiranya perlawanan terpaksa digantung di mana pengadil tidak dapat mengawal perlawanan lalu meninggalkan atau memberhentikan kerana pada pendapatnya pihak JP tidak mampu untuk memastikan keselamatannya ataupun penjaga garisannya di dalam mana-mana perlawanan, ataupun keselamatan pasukan tertentu yang diancam oleh pasukan lawannya



ataupun penyokongnya; **selepas siasatan bersepadu oleh JP ataupun keputusan mandatori pegawai ko-ordinator perlawanan yang ditugaskan**, JP boleh menghadihkan kemenangan percuma secara teknikal kepada pihak pasukan yang tidak bersalah (tidak melakukan apa-apa salah ketika perlawanan) dengan jaringan kemenangan 3-0. Sekiranya pasukan tersebut sudahpun mendahului melebihi jaringan TIGA (3) gol, maka keputusan sewaktu pemberhentian perlawanan dikira sebagai keputusan penuh. Pihak JP juga boleh mengambil tindakan terhadap insiden-insiden sepertimana tertera di atas walaupun ianya berlaku sebelum mula perlawanan atau selepas tamat perlawanan.

- e.24 JP boleh juga menggunakan provisi-provisi khas berkenaan hak untuk menggubal undang-undang dan peraturan bagi membuat keputusan terhadap situasi-situasi tertentu yang tidak terkandung di dalam dokumen ini, seperti di dalam subjek K : Penafian

DISIPLIN PENYOKONG

- e.25 Sekiranya didapati bahawa penyokong pasukan gagal untuk mengelakkan diri daripada menggunakan kata-kata berunsurkan perkauman, lucah, ataupun kata-kata kesat yang ditujukan terhadap pasukan lawan, JP boleh dan mungkin bertindak ke atas pasukan yang disokong oleh penyokong tersebut. Selain daripada itu, sekiranya pengadil perlawanan ataupun pegawai ko-ordinator perlawanan yang ditugaskan mendapati bahawa penyokong pasukan tertentu berperilaku ganas, ataupun bertindak sebagai ancaman keselamatan terhadap pasukan lawan dan pentadbir-pentadbir perlawanan (pegawai ko-ordinator perlawanan, para pengadil), ataupun dengan sengaja cuba menakutkan pasukan lawan ataupun pentadbir-pentadbir perlawanan melalui tindakan mereka; pengadil perlawanan boleh memberhentikan ataupun meninggalkan perlawanan, dan keputusan semasa perlawanan akan digantung sehingga siasatan lanjut. JP mempunyai hak mutlak bagi memutuskan berkenaan status keputusan perlawanan, serta mengenakan denda terhadap pasukan ataupun menyingkirkan pasukan yang didapati bersalah daripada meneruskan pertandingan

Nota : Adalah diingatkan bahawa peranan penyokong adalah untuk menyokong pasukan sendiri, bukan untuk menyebabkan pergaduhan, ataupun bergaduh dengan pasukan atau penyokong lawan, atau juga pentadbir perlawanan.

LAIN-LAIN PERKARA

- e.26 Semua pemain digalakkan menggunakan *shin-pad*.
- e.27 Kebersihan padang perlu dijaga sepanjang pertandingan.
- e.28 JP tidak bertanggungjawab untuk menyediakan jersi tambahan, *first aid kit*, makanan, minuman dan sebagainya. Semua pasukan yang bertanding bertanggungjawab ke atas peralatan mereka.
- e.29 Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur mengenakan syarat larangan merokok di kawasan padang bolasepak, pertukaran pakaian tidak dibenarkan di atas padang melainkan berselindung
- e.30 Sekiranya terdapat apa-apa rayuan (selain daripada Gaduh), pengurus pasukan tersebut perlu memberitahu pegawai perlawanan sejurus selepas tamat perlawanan. Bantahan atau rayuan perlu dibuat secara bertulis, tidak lewat 30 minit daripada tamat perlawanan bersertakan dengan yuran proses RM300. Pihak penganjur akan mempertimbangkan rayuan tersebut dan keputusan terhadap rayuan tersebut akan dibuat secepat mungkin. Keputusan JP selepas rayuan tidak boleh dirayu lagi.



F. Disiplin

- f.1 2 kad kuning di dalam perlawanan yang berasingan, digantung **satu** perlawanan.
- f.2 1 kad merah digantung otomatis **dua** perlawanan. Pemain yang menerima kad kuning kedua, diikuti oleh kad merah di dalam perlawanan yang sama akan digantung **satu** perlawanan.
- f.3 Semua kad kuning dan merah yang diterima di dalam peringkat liga akan dibawa ke peringkat kalah-mati.

Nota 1 : Pemain yang menjalani hukuman gantung dua perlawanan kerana kad merah, perlu diingatkan bahawa sekiranya di dalam perlawanan sebelumnya beliau menerima kad kuning, kad kuning tersebut kekal aktif walaupun setelah menjalani hukuman gantung bagi kad merah.

Nota 2 : Pemain yang menjalani hukuman gantung yang diturunkan di dalam mana-mana perlawanan, boleh menyebabkan kemenangan percuma diberikan kepada pasukan yang didapati tidak bersalah. Perlawanan-perlawanan di mana pemain tersebut diturunkan boleh mengakibatkan keputusan perlawanan dihadiahkan kepada pihak lawan dengan jaringan kemenangan 3-0. Sekiranya pasukan lawan telahpun memenangi perlawanan melebihi jaringan 3 gol, maka keputusan perlawanan dikira sebagai keputusan penuh.

- f.4 Pasukan yang tidak hadir di padang sekurang-kurangnya 5 minit sebelum permulaan perlawanan akan dikenakan tindakan. **Walaupun bagaimanapun, keputusan untuk menghadiahkan kemenangan percuma secara walkover, terletak mutlak di bawah kuasa pegawai ko-ordinator perlawanan JP yang ditugaskan.**
- f.5 Sekiranya, mana-mana pasukan gagal untuk menghadiri perlawanannya, kemenangan percuma otomatis secara walkover akan dihadiahkan kepada pasukan lawannya, dengan jaringan 5-0. Walaupun bagaimanapun, keputusan untuk menghadiahkan kemenangan percuma secara walkover, terletak mutlak di bawah kuasa pegawai ko-ordinator perlawanan JP yang ditugaskan.

Nota : Sekiranya didapati bahawa pasukan dengan sengaja tidak datang ke perlawanan untuk mencapai keputusan bagi membantu kedudukan liganya khusus untuk kelayakan, ataupun meninggalkan padang permainan ketika perlawanan dijalankan untuk mencapai keputusan bagi membantu kedudukan liganya khusus untuk kelayakan, maka penglibatan pasukan tersebut akan digantung di atas sebab kurang 'sportmanship'. Pihak JP akan memantau keadaan sebegini khususnya pada penghujung peringkat liga berkumpulan.

- f.6 Sekiranya kedua-dua pasukan gagal untuk menghadiri perlawanan dengan bilangan pemain minima yang layak bermain, perlawanan tersebut akan digantung sementara menunggu perlawanan semula di atas tanggungan penuh kedua-dua pasukan dari segi pembiayaan para pengadil, sewaan padang serta pegawai ko-ordinator perlawanan. Waktu untuk perlawanan semula tertakluk kepada hak JP.
- f.7 Tiada penundaan yang akan dilakukan di bawah sebarang keadaan. Pasukan-pasukan yang bertanding dinasihatkan untuk memeriksa jadual pertandingan bagi memastikan kehadiran ke semua perlawanan, kerana JP tidak akan melayan sebarang permintaan untuk penundaan. Sekiranya berlaku kelewatan ataupun kelambatan disebabkan ketibaan lambat pasukan atau



pasukan-pasukan ke tempat perlawanan, pegawai ko-ordinator perlawanan JP yang ditugaskan, bersama para pengadil serta wakil pasukan yang terlibat, akan menentukan waktu perlawanan yang diubah. Setelah dipersetujui, protes berasaskan hal ini tidak akan diterima sama sekali. JP tidak bertanggungjawab di atas ketepatan masa pasukan-pasukan yang bertanding.

- f.8 Pihak penganjur tidak akan bertoleransi terhadap sebarang tindakan keganasan sebelum, ketika atau selepas perlawanan oleh pemain ataupun penyokong pasukan. Perilaku sedemikian boleh menyebabkan penggantungan terus pasukan yang terbabit dan disenarai-hitamkan oleh jawatankuasa penganjur bagi pertandingan-pertandingan di masa hadapan. Laporan akan dihantarkan kepada Persatuan Bolasepak Negeri Selangor (FAS) dan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di kawasan perlawanan, sekiranya berlaku kekurangan disiplin. JP memandang serius hal ini dan tidak akan menyekutukan diri kami dengan keganasan tersebut.

G. Hadiah-Hadiah & Wang Tunai

Johan	:	RM 3,000.00
Naib Johan	:	RM 2,000.00
Ketiga	:	RM 1,000.00
Keempat	:	RM500.00
Pemain Terbaik	:	RM500.00
Penjaga Gol Terbaik	:	RM500.00
'Fairplay'	:	RM1,000.00

**hadiah-hadiah lain (jika ada) akan diumumkan dari masa ke semasa.*

H. Penafian

- h.1 JP mempunyai hak untuk mengubah isi kandungan borang ini pada bila-bila masa sahaja, tanpa notis awal ke pasukan yang bertanding. Perubahan yang dilakukan hasil tindakan JP tidak semestinya memerlukan persetujuan pasukan yang bertanding. Antaranya adalah hak untuk menukar tempat perlawanan, jadual pertandingan, format pertandingan, undang-undang & peraturan pertandingan, penggantian pemain, waktu perlawanan, dsb. JP termasuk kontraktor serta pembekalnya, atau mana-mana penaja pertandingan, tidak akan dipertanggungjawabkan untuk apa-apa perbelanjaan pasukan, pegawai pasukan, mana-mana individu yang mendakwa diri mereka mempunyai kaitan dengan pasukan, pemain, ahli keluarga, penyokong dan sebagainya, sekiranya pertandingan dibatalkan secara penuh, atau sebahagiannya, dan untuk apa juga pampasan sekiranya berlaku kehilangan, kecurian, pecah masuk kenderaan, kematian, kecederaan, dan/atau semua perkara yang di luar kawalan mereka, ketika, sebelum atau selepas pertandingan.

Nota 1: Sekiranya terdapat perubahan di dalam Peraturan Pertandingan, ia boleh disemak dan didapati di laman web Super 8!. Pasukan-pasukan dinasihati agar memeriksa laman web tersebut dari masa ke semasa, sepanjang pertandingan.

Nota 2 : Peraturan Pertandingan Super 8! Versi Bahasa Melayu, bertujuan sebagai alih bahasa sahaja. Penguatkuasaan terhadap undang-undang & peraturan yang terkandung di dalam dokumen ini adalah menurut versi Bahasa Inggeris.

- h.2 Sekiranya terdapat pasukan yang menarik diri daripada pertandingan samada sebelum atau ketika pertandingan dijalankan, pihak penganjur tidak akan membayar sebarang pampasan atau



gantirugi. Pihak penganjur juga berhak untuk menggantikan mana-mana pasukan yang menarik diri, dengan mana-mana pasukan yang ditakrifkannya layak bagi meneruskan pertandingan.

I. Pelepasan Liabiliti Oleh Pasukan

- i.1 Kami sedia maklum bahawa penyertaan di dalam atau kehadiran di pertandingan ini mungkin melibatkan risiko semulajadi dan bahaya kemalangan, kecederaan peribadi, dan badan yang serius, termasuk kematian dan kehilangan harta benda atau kerosakan. Kami memahami dan kami mengambil kira dan mengenalpasti keadaan, skop dan tahap risiko yang terlibat dan sukarela dan bebas memilih untuk menganggap risiko ini.
- i.2 **Bebas Daripada Liabiliti**-Kami dengan ini sepenuhnya dan selamanya melepaskan Media Prima Berhad, anak syarikatnya, pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, syarikat insurans dan semua yang terlibat di dalam pertandingan daripada kehilangan, kerosakan, kecederaan (termasuk kematian), tuntutan, permintaan, tuntutan makhamah, perbelanjaan dan mana-mana jenis liabiliti lain atau mana-mana individu secara langsung atau tidak langsung yang berbangkit di luar atau di dalam hubungan dengan penyertaan dan kehadiran kami di masa pertandingan.
- i.3 **Siaran Filem Dan Video**-Kami sedia maklum bahawa Media Prima Berhad akan mengambil gambar atau merakam aktiviti untuk pengiklanan, promosi atau mana-mana tujuan komersial yang sehubungan dengan pertandingan dan kami dengan ini memberikan Media Prima Berhad hak, tanpa mana-mana jangkaan pembayaran, untuk menggunakan gambar, video, filem, imej, persamaan dan suara di dalam apa jua media termasuk tetapi tidak terhad kepada televisyen, katalog, brosur, paparan dan mana-mana bahan bercetak atau bertulis lain yang berkaitan, untuk tujuan pengiklanan atau promosi aktiviti Media Prima Berhad yang berkaitan.
- i.4 **Siaran E-Mel Dan Komunikasi Mudah Alih**-Kami mengizinkan untuk menerima komunikasi akan datang daripada Media Prima Berhad di alamat e-mel dan talian telefon pejabat kami.

J. Hubungi

- j.1 Untuk maklumat lanjut ataupun sebarang pertanyaan berkenaan Super 8!, hubungi :-
Pejabat : 03 - 7710 5022 Ext : 7174(Anwar) / 7170(Sophia)
Faks : 03 - 7710 7098
Emel : mohd_anwar@mediaprima.com.my / nursophia@flyfm.com.my
Laman Web : www.hotfm.com.my

6-SEBELAH : PERATURAN AM PERMAINAN **(dikhususkan bagi pertandingan ini)**

1. Bola Di Luar Kawasan

Bola dianggap keluar kawasan permainan apabila ia melintasi secara penuh *by-lines* atau *touch lines*. Lontaran masuk secara normal memulakan semula permainan.



2. Kawasan Penalti

Semua pemain dibenarkan untuk berada di dalam kawasan penalti kecuali ketika sepakan gol. Kekasaran yang dilakukan di dalam kawasan penalti, boleh menyebabkan pemberian penalti.

3. Offsaid

Peraturan offsaid tidak digunakan untuk pertandingan ini.

4. Gol

Pemain boleh menjaringkan gol daripada mana-mana kawasan padang. Sepakan gol daripada penjaga gol yang memasuki gol lawan secara langsung tanpa sentuhan pemain kedua, TIDAK AKAN dikira.

5. Hantaran Ke Belakang

Hantaran ke belakang kepada penjaga gol dibenarkan. Namun, penjaga gol tidak boleh menggunakan tangan beliau bagi mengawal bola apabila menerima hantaran ke belakang daripada pemain pasukan beliau sendiri.

6. Sepak Mula

Gol boleh dijaringkan secara langsung daripada sepak mula.